

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/1995**

April 1995

BST 423/3 - PENGURUSAN PERSEKITARAN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah

(BST 423/3)

1. Antara pelbagai kajian tentang alam sekitar yang sering dijalankan ialah kajian garisdasar dan kajian EIA. Huraikan perbezaan antara kedua-duanya.
(20 markah)
2. Apakah tujuan Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) diwartakan? Bincangkan ciri-ciri utama yang terdapat pada akta ini.
(20 markah)
3. Apakah yang dimaksudkan dengan “Aktiviti Tersenarai” (Prescribed Activities) dalam EIA? Pada pendapat anda, adakah senarai aktiviti berkenaan lengkap dan mencakupi segala aspek? Berikan hujah-hujah yang sesuai bagi menyokong pendapat anda.
(20 markah)
4. Syarikat Pulau Seribu Sdn. Bhd. bercadang untuk membangunkan sebuah pulau kecil di Laut China Selatan untuk dijadikan kawasan peranginan beserta padang golf. Ciri-ciri pada pulau: keluasan 20 km per segi; jumlah penduduk seramai 50 keluarga nelayan; terletak hampir dengan Taman Laut Negara; alam semulajadi yang amat menarik.
Anda telah dilantik untuk membuat EIA bagi syarikat berkenaan. Bincangkan bagaimana anda akan menjalani kajian ini?
(20 markah)
5. Bincangkan falasafah, tujuan dan isu-isu yang terkandung di dalam Strategi Pemuliharaan Dunia.
(20 markah)

(BST 423/3)

6. Proses membuat penaksiran impak yang tepat dan jitu merupakan perkara yang amat menyulitkan dalam EIA. Huraikan masalah-masalah yang mungkin terdapat dan berikan langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini.

(20 markah)

-ooo0ooo-